



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

**KENYATAAN MEDIA**

**SAMBUTAN PERAYAAN HARI KRISMAS ADALAH TERTAKLUK  
KEPADA PEMATUHAN SOP YANG DITETAPKAN**

---

16 Disember 2021, Putrajaya – Bersempena dengan perayaan Krismas yang akan disambut oleh penganut agama Kristian di negara ini pada 25 Disember 2021, YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah binti Mohamed Sadique telah membentangkan cadangan SOP Perayaan Krismas dalam Mesyuarat Kuartet Menteri COVID-19 Bilangan 10 Tahun 2021 dan telah diluluskan.

2. Mesyuarat menetapkan SOP Perayaan Krismas **dilaksanakan bermula pada 24 hingga 25 Disember 2021.**

3. **Aktiviti keagamaan di Rumah Ibadat Selain Islam** adalah tertakluk kepada syarat-syarat nyata berikut:

- a. **Upacara Sembahyang** dibenarkan mengikut **SOP Pembukaan Rumah Ibadat Selain Islam** dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara.
- b. **Persembahan Koir** di Gereja **dibenarkan** dengan **mematuhi penjarakan fizikal tidak kurang dari 1 meter** dan diwajibkan memakai pelitup muka atau *face shield*.

4. Manakala **aktiviti umum** sempena Perayaan Krismas adalah tertakluk kepada syarat-syarat nyata berikut:

- a) **Aktiviti berkunjung ke rumah keluarga dibenarkan** hanya untuk penerima vaksin lengkap sahaja.
- b) **Upacara Nyanyian *Carolling*** dari rumah ke rumah adalah **tidak dibenarkan**.
- c) **Gerai Jualan Hari Krismas** adalah tertakluk kepada kelulusan dan kawalan Pihak Berkuasa Tempatan.

5. Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique menyeru para penganut agama Kristian di Malaysia untuk menyambut Perayaan Krismas ini dalam norma baharu, sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan, memakai pelitup muka, menjaga kebersihan diri, dan memastikan penjarakan fizikal dalam usaha kita memutuskan rantaian COVID-19 di Malaysia.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

16 Disember 2021

-TAMAT-

### **Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041      Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (57)